

Air tiga empangan melimpah

BATU PAHAT – Para pegawai yang ditugaskan memantau empangan di Johor Tengah, bimbang bahawa keadaan banjir di Batu Pahat mungkin mengambil masa lebih lama untuk pulih.

Seorang pegawai berkata, kesemua tiga empangan – Bekok, Sembrong and Machap – di Simpang Renggam kini melimpah dan mereka tidak berupaya melakukan apa-apa.

esmo 21/12
“Kini semuanya bergantung kepada cuaca dan jika hujan berterusan, keadaan banjir mungkin bertambah buruk,” katanya.

Batu Pahat masih dalam keadaan berjaga-jaga sejak seluruh Johor dilanda banjir pada 19 Disember lalu.

Tinjauan di empangan Bekok semalam menunjukkan paras air sudah di tahap melim-

pah 18.77 meter pada tengah hari iaitu 1 meter lebih tinggi daripada tahap maksimumnya 17.5 meter.

Para pegawai itu berkata, mereka tidak boleh berbuat apa-apa kecuali melepaskan air sejak 21 Disember ke sungai-sungai yang airnya melimpah dan membanjiri Batu Pahat, sebelum sampai ke Selat Melaka. – Bernama